



Pada 13 September 2021 (Isnin), Perpustakaan Al-Bukhari telah mengadakan sesi ramah mesra bersama Pengarah Jabatan Penjara Negeri Pahang dan Rektor UiTM Cawangan Pahang sempena Program Wakaf 4.0 Perpustakaan Al-Bukhari. Sesi ini diadakan secara maya dengan menggunakan platform Google Meet bersama Pengarah Jabatan Penjara Negeri Pahang. Program ini menyokong teras Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: (Quality Education), SDG10: (Reduced Inequalities), SDG16: (Peace, Justice and Strong Institutions) dan SDG17: (Partnerships for the Goals).

Fokus utama sesi ini adalah membincangkan secara jelas dan padat tentang program Wakaf Buku 4.0 yang akan bermula pada 14 September 2021 (Selasa) sehingga 30 September 2021 (Khamis). Dalam sesi ini juga, Jabatan Penjara Negeri Pahang dihadiri oleh YBhg. KP Dato' Ab Basir bin Mohamad, Pengarah Jabatan Penjara Negeri Pahang, PKK Charin Promwichee, Timbalan Pengarah Penjara Negeri Pahang; Penguasa Penjara Mohd Huzaimi bin Hanafi; Ketua Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti Negeri Pahang, dan Ketua Inspektor Mohd Zulhairi bin Jusof, Penolong Ketua Bahagian Parol & Perkhidmatan Komuniti Negeri Pahang.

Manakala UiTM Cawangan Pahang terdiri daripada Profesor Ts. Dr. Mohd Ilham Bin Adenan yang menjalankan tugas Rektor, Puan Hajah Rosnita Binti Haji Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Al-Bukhari, Encik Mohd Azizul Sulaiman, Koordinator Unit Komunikasi Korporat, Puan Nurfarawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan, Cik Muniratul Husna Mohamad Zaki, Pustakawan PTAR Kampus Raub, serta 4 orang Ahli Jawatankuasa program Wakaf Buku 4.0.

Melalui sesi ini juga diharapkan dapat membina kesinambungan jaringan kolaborasi yang mesra dan dinamik antara dua pihak bagi program-program lain di masa hadapan.

